

29 OCT 2003

Mahathir-Minit (Bergambar)

DR MAHATHIR TANDATANGANI MINIT MESYUARAT KABINET KE 883

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Berpuluh lensa kamera merakamkan detik 12.30 tengah hari ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menurunkan tandatangan pada minit mesyuarat kabinet yang dipengerusikannya hari ini.

Ketika saat begitu istimewa untuk diabadikan itu, Perdana Menteri dikelilingi para menteri kabinet kanan yang menghadiri mesyuarat jemaah menteri berkenaan, yang terakhir dipengerusikan Dr Mahathir sebelum berundur Jumaat ini.

Mereka termasuk penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak, dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mesyuarat mingguan kabinet hari ialah yang ke-883 bagi Dr Mahathir, yang pertama ialah pada 22 Julai 1981, selepas dilantik menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai tahun yang sama.

Sebelum memulakan mesyuarat pagi ini, beliau telah bergambar dengan jemaah menteri di ruang legar bangunan pejabat Perdana Menteri dan dengan pegawai serta kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri yang kemudian menghadiahkan beliau dengan kain khas bersulam dengan angka "883" yang dibingkaikan.

Najib, yang ditemui pemberita selepas itu, berkata Dr Mahathir mengucapkan terimakasih kepada anggota kabinet kerana sokongan kepada beliau selama ini.

"Beliau berharap sokongan ini akan dipanjangkan kepada Pak Lah (Abdullah)," katanya.

Dr Mahathir turut memberi amanat supaya semua anggota kabinet terus bekerjasama rapat dalam usaha membangunkan negara, kata Najib.

Menurut Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Abdullah yang bercakap bagi pihak jemaah menteri, mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri terhadap khidmat cemerlang beliau memimpin negara dan mempengerusikan mesyuarat kabinet selama ini.

Abdullah menyatakan ikrar kabinet untuk meneruskan misi dan objektif negara yang telah direncanakan Perdana Menteri, katanya.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata negara terhutang budi kepada Dr Mahathir atas dua sebab - pertama mengubah ekonomi negara berdasarkan pertanian dahulu kepada berasaskan perindustrian dan pembuatan.

Kedua - menyelamatkan negara daripada dibebani krisis mata wang dan krisis ekonomi pada 1997-98 dengan menggunakan model "penyelamat" kewangan ciptaan beliau sendiri.

"...tanpanya, Malaysia akan turut serta dalam sejarah krisis ekonomi dan kewangan seperti (yang menimpa) negara-negara lain," katanya.

Jamaluddin berkata sudah terbukti bahawa dunia keseluruhannya, termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa, mengiktiraf cara pemikiran Dr Mahathir khususnya dalam menyediakan formula terbaik penyelamat serta jalan keluar krisis ekonomi dan kewangan yang teruk melanda Asia pada ketika itu.

-- BERNAMA

RIZ RON